**NO. SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8633**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing telah membawa keluarga (isteri dan anak) mereka untuk bekerja di Malaysia di dalam sektor binaan dan perkhidmatan pembersihan (*cleaner service*).

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut dasar semasa, pekerja asing dibenarkan untuk bekerja di lima (5) sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing. Pekerja asing TIDAK DIBENARKAN untuk membawa keluarga sepanjang tempoh mereka bekerja di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak meletakkan sebarang syarat yang menghalang ahli keluarga pekerja asing untuk turut sama bekerja di negara ini tertakluk kepada mereka mengikut prosedur kemasukan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.